

PERSURATKHABARAN NEGERI JOHOR SEBELUM PERANG*

oleh

IBRAHIM JAAFAR

Ditinjau dari segi perkembangan akhbar/majalah sebelum perang¹ tidak dapat dinafikan lagi bahawa negeri Johor merupakan salah sebuah negeri Melayu yang begitu bergerak cergas dalam arena penulisan persuratkhabaran. Walaupun majalah pertamanya 'Harapan' muncul pada 1919 di Johor Bharu, tetapi sebelumnya lagi telah ramai penulis-penulis dari negeri Johor yang melibatkan diri dalam bidang tersebut yang pada masa itu berpusat di Singapura. Malah ada dikatakan bahawa majalah seperti *Al-Imam*, *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu*, *Neraca* dan *Tunas Melayu* telah kedatangan penulis Johor yang menghantarkan artikel mereka.² Begitu juga dalam perkembangan penulisan persuratkhabaran Melayu di tahun-tahun 1930'an seperti dalam *Warta Malaya*, *Warta Jenaka*, *Warta Ahad* dan *Majlis* penulis-penulis Johor juga tidak ketinggalan menyumbangkan tenaga mereka.³

Bahkan di bidang persuratan juga negeri Johor dapat berbangga dengan seorang tokoh 'agongnya' iaitu Datuk Haji Mohd Said Haji Sulaiman yang begitu aktif dan menjadi nadi utama tertubuhnya 'Pakatan Belajar Mengajar Bahasa, pada tahun 1888 lagi, (The Royal Society of Malay Literature of Johor — P. Bm. P. B. Di Raja)⁴ Begitulah kukuhnya semangat penulis-penulis Melayu Johor dalam memperjuangkan nasib bahasa dan bangsa mereka. Justeru itu dapatlah dikatakan 'konsep kesedaran' lebih awal telah muncul di Johor berbanding dengan Negeri-negeri Melayu 'Tidak Bersekutu' yang lain. Semangat perjuangan ini adalah satu-satunya manifestasi bahwa bidang penulisan ini telah lama 'berakar umbi' di dalam negeri Johor. Sejak kemunculan Raja Ali Haji dengan karya 'magnum apus'-nya iaitu *Tuhfatul-Nafis* dan *Salasilah Melayu dan Bugis*⁵ menggambarkan bahawa negeri Johor telah lama bergerak cergas dalam arena penulisan-kesusasteraan. Maka perkembangan ini sendirinya dapat dikatakan

* Makalah ini merupakan salah satu bahagian dari tesis yang berjudul, "Persuratkhabaran Melayu Negeri Johor Sebelum Perang", dan telah disesuaikan untuk diterbitkan di dalam jurnal ini - Pengarang.

¹ Sila lihat jumlah akhbar/majalah Melayu sebelum perang dalam William R. Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlement and Peninsular Malay State 1876-1941*, Oxford University Press, London, 1972, h. 2.

² Matlob, 'Johor dan Penulisnya', *Journal Persatuan Penulis Johor*, Bil. 3, 1973, h. 2.

³ Misalnya Dato' Onn Jaafar pernah menjadi Pengarang *Warta Malaya* di Singapura pada 1930 hingga Disember 1933. Sila lihat W.R. Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals*, h. 43-44. Manakala Sahrom Husein merupakan seorang lagi tokoh yang begitu cergas menulis di akhbar *Warta Malaya*, *Lembaga Melayu* dan beberapa akhbar tempatan yang lain. Keterangan lanjut lihat Md. Zain Idros, 'Penulis Sharom Husein', *Journal PPJ*, op.cit, h.h. 28-37.

⁴ Mengenai tokoh ini dan hasil-hasil karyanya dalam bidang persuratan dapat dilihat daripada M.A. Fawzi Mohd Basri, 'Major Datuk Hj. Mohd. Said Haji Sulaiman, Peranan Karyanya dalam Sejarah Persuratan dan Kesusasteraan Melayu Modern', *Humanisma*, Universiti Kebangsaan Malaysia Bil. 1, 1971/72. Lihat juga Md. Zain Idros, 'Major Hj. Mohd Said Haji Sulaiman: penulis Johor Pelbagai Bidang' *Journal PPJ*, Bil. 3, 1972, h. 19-27.

⁵ Lihat R.O. Winstedt, 'A History of Malay Literature', *JMBRAS*, Jil. XXXI, Part 3, 1939, h. 239 dan Teuku Iskandar, 'Raja Ali Haji', *Dewan Bahasa*, Jilid VIII, Bil. 12, (Disember, 1965), h. 533-540.

sebagai perintis di dalam penulisan Melayu. Jadi pengejalan tradisi penulisan itu telah dilambangkan sendiri dengan penulisan persuratkhabaran yang berkembang luas di dalam negeri Johor disamping penghasilan buku kesusasteraan yang lainnya.

Satu lagi ciri istimewa yang ada pada negeri Johor ialah Johor merupakan negeri Melayu yang beruntung kerana hubungannya yang rapat dengan Singapura dimana perkembangan pendidikan amat pesat.⁶ Begitu juga dengan perhatian berat yang diambil ke atas sekolah oleh Yang Maha Mulia Sultan Johor sebagai pendorong utama kepada perkembangan di atas.⁷ Jadi dapat dikatakan faktor pelajaran juga merupakan perkara penting yang boleh mendorong kepada perkembangan penulisan persuratkhabaran. Hal ini sebagai menemui kekurangan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Melayu sendiri. Peranan kerajaan Johor dalam mewajibkan akhbar dan majalah dijadikan sebagai sumber bacaan di sekolah-sekolah Melayu⁸ menjadi bukti yang jelas mengapa akhbar dan majalah begitu pesat berkembang di dalam negeri Johor sendiri. Sekiranya dibuat perbandingan, Johor merupakan Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang paling maju dalam bidang pendidikan. Maka peranan akhbar/majalah di negeri Johor tidak terlepas daripada hakikat tersebut. Jumlah sekolah-sekolah Melayu di Negeri Negeri Melayu Tidak Bersekutu dalam jadual di bawah dapat menjelaskan keadaan ini.⁹

JUMLAH SEKOLAH MELAYU

NEGERI	1924	1931	1938
Johor	72	113	155
Kedah	67	88	111
Perlis	16	23	25
Kelantan	24	62	63
Trengganu	12	20	27

Dari data diatas dapat diambil satu kesimpulan bahawa perkembangan sekolah dan akhbar/majalah yang paling berkait rapat itu sekurang-kurangnya telah dapat memberi kesedaran masyarakat Melayu di negeri Johor tentang peri pentingnya pelajaran dalam bidang kehidupan. Malah terbitan majalah seperti *Lembaran Guru*, *Bulan Melayu* dan *Idaman* yang dipelopori oleh gulungan guru-guru Melayu Johor itu sendiri mempunyai matlamat dibidang pendidikan. Justeru itu sumbangan negeri Johor dalam bidang persuratkhabaran Melayu tidak boleh dianggap sepi. Dalam arah membentuk fikiran bangsa Melayu, negeri Johor telah muncul sebagai Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang paling aktif sekali selain daripada negeri Kelantan dan Kedah. Implikasi yang nyata dari keadaan ini 'menunjukkan bahawa bangsa-bangsa yang mempunyai surat khabar itu bangsa-bangsa yang lebih maju... sebetulnya banyak surat-khabar itu bukan hanya tanda kemajuan sesuatu bangsa itu melainkan juga bererti banyak pengetahuan

⁶Awang Had Saleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, DBP., Kuala Lumpur, 1974, h. 6.

⁷Report of a Committee Appointed to Enquire into the system of Vernacular Education in the colony No. 4, Straits Settlement 1894. Dipetik daripada Awang Had Saleh, *Ibid.*

⁸Lihat *Peraturan Am Sekolah Melayu Johor* (1937), Arkib Negeri Johor.

⁹Awang Had Saleh, *op.cit.*, h. 16.

dan pimpinan bagi bangsa itu sendiri'.¹⁰ Maka negeri Johor dapat dikatakan berjaya memenuhi fungsi tersebut.

Penyibaran Akhbar dan Majalah di Negeri Johor¹¹

Muar, Johor Bharu dan Batu Pahat merupakan tiga daerah terpenting memainkan peranan secara langsung dalam siri penerbitan persuratkhabaran di dalam negeri Johor.¹² Oleh kerana kawasan ini juga merupakan kawasan pentadbiran dan mempunyai perkembangan ekonomi yang pesat di antara daerah-daerah yang lain dalam negeri Johor, maka ia adalah terbuka bagi penulis-penulis Melayu bergerak cergas dalam bidang penulisan. Di kawasan ini juga memperlihatkan pertumbuhan intelektualisma Melayu. Kawasan ini merupakan kawasan yang begitu aktif dalam bidang pendidikan. Jadi penerbitan akhbar dan majalah di kawasan ini adalah sebagai memenuhi kehendak orang ramai (khususnya bangsa Melayu) yang tahu membaca. Disamping itu dengan adanya ruangan khas untuk soal jawab, berpolimik, surat dari pembaca disamping iklan-iklan dan berita-berita tempatan dan luar negeri adalah sebagai faktor yang mendorong pertumbuhan akhbar dan majalah di daerah tersebut.¹³

Muar

Pada awal abad ke 20 kebanyakan kegiatan penulisan persuratkhabaran berkisar di Muar. Namun begitu majalah tempatan yang pertama sekali di negeri Johor telah terbit di Johor Bharu pada Jun, 1919 diberi nama 'Harapan'. Majalah ini adalah kegunaan ahli-ahli Persekutuan Belia Kecharapan Johor Bharu sahaja. Tetapi beberapa tahun sahaja kegiatan penulisan ini telah terhenti begitu sahaja. Mungkin pada tahun-tahun ini ramai orang-orang Melayu di Johor telah lebih memusatkan perhatian mereka kepada penerbitan akhbar/majalah yang pada masa itu begitu pesat berkembang di Singapura.¹⁴

Kemunculan Muar sebagai pusat penulisan akhbar dan majalah dapat dikesan pada tahun-tahun 1920'an lagi. Ini memandangkan Muar mempunyai beberapa ciri yang agak menarik. Dari segi 'environment' Muar mempunyai bentuk bumi yang mendatar berbeda dengan Johor Bharu. Perhubungan antara satu tempat yang lain adalah senang dan mudah. Disamping itu Muar merupakan daerah yang jauh dari pusat pentadbiran negeri. Maka dirasakan masyarakat di sekitarnya adalah lebih bebas bergerak. Begitu juga faham keugamaan yang kuat telah mendorong untuk bergerak lebih cergas lagi bagi membangkitkan ke-

¹⁰Ibrahim Mahmud, 'Kata Pendahuluan', *Wartawan*, The United Press, Penang, 1948. Beliau adalah bekas Pengarang *Warta Malaya* dan *Warta Negara*.

¹¹Nama-nama akhbar/majalah, tempat terbit, tarikh terbit dan pengarang-pengarang yang terdapat dipetik daripada W. R. Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals*; Muhammad bin Datuk Muda, "Tarikh Surat-Surat Akhbar Melayu Keluaran Semenanjung Tanah Melayu", *Majallah Guru*, Bil. XVI, 1938. A.M. Iskandar, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968* Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1974. Seterusnya catitan bawah tidak akan ditulis. Hal ini dirujuk kepada buku-buku di atas.

¹²Huraian lanjut sila lihat Eunio Thio, 'British Policy Towards Johor From Advise to Control', *JMBRAS*, Vol. XI, Part 1, 1967; Keith Sinclair, 'The British Advance in Johor', *JMBRAS*, Vol. XI, Part 1, Julai, 1967. Lihat juga *The Annual Report — The Superintendent of Education Johor*, Arkib Negara, Kuala Lumpur.

¹³Temuramah dengan Tuan Haji Shukor di Muar dan Tuan Haji Zainal Abidin Ahmad di Muar dan Tuan Haji Naim Shukran di Batu Pahat, masing-masing pada 15hb. Mei, 1975 dan 17hb. Mei, 1975.

¹⁴Temuramah dengan Hajjah Zain di Johor Bharu pada 26hb. April, 1975.

sedaran akan hal kemunduran bangsa Melayu.¹⁵ Ini ditambah lagi dengan 'kemunculan Kesatuan Melayu Singapura pada 1926 yang memberi inspirasi baru kepada penduduk Muar seluruhnya terutama dibidang politik dan ekonomi' Dengan kesedaran ini beberapa persatuan telah ditubuhkan di sekitar bandar Muar.¹⁶ Hingga tahun-tahun 1935 bandar Muar telah begitu terkenal 'dengan masyarakat yang cergas, sering menceburkan diri di bidang ekonomi, politik dan sosial.'¹⁷

Atas rasa kesedaran ini kita dapati beberapa pertubuhan Melayu di Muar telah mula menerbitkan beberapa majalah untuk kegunaan anak bangsanya sendiri. Maka majalah yang pertama telah diterbitkan di Muar ialah *Lidah Teruna* pada Jun, 1920 (?) oleh Persekutuan Perbahasan Orang-Orang Islam. Majalah ini memuatkan berita-berita tentang ilmu, adab, tarikh, nasihat, kesihatan dan per-khabaran.¹⁸ Beberapa tahun kemudian muncul pula majalah bulanan *Masa* di Parit Jamil, Muar pada Januari, 1924. Majalah tersebut telah dikeluarkan dengan perbelanjaan sendiri oleh seorang tokoh tempatan bernama Tuan Haji Jaafar bin Haji Mohd Taib.¹⁹ Setelah berhenti beberapa lama, maka pada bulan April, 1934 telah dikeluarkan semula oleh Raja Muhammad Yunus Ahmad di Parit Jamil tetapi hanya buat sedikit masa sahaja peredarannya, lalu berhenti terus.²⁰

Pada 24hb. April, 1925 telah lahir akhbar Melayu yang pertama sekali di dalam negeri Johor. Akhbar keluaran dua kali sebulan ini diberi nama *Perjumpaan Melayu* telah dikeluarkan oleh Muar Maharani Company. Ada dikatakan bahawa akhbar ini sering menekankan peri pentingnya orang-orang Melayu bersatu padu terutamanya bagi menjalankan perdagangan di bidang ekonomi terutama getah demi kepentingan orang Melayu.²¹ Setelah berhenti beberapa lama, persekutuan ini telah menerbitkan semula akhbar tersebut dan diberi nama *Panji Melayu*. Akhbar mingguan ini telah terbit pada awal tahun 1927 tetapi penerbitannya buat beberapa bulan sahaja.²²

Sebuah lagi majalah bulanan telah dihasilkan tanggal Julai, 1926 oleh Persekutuan Guru-Guru Islam Muar bernama *Lembaran Guru*. Terbitnya hanya beberapa tahun sahaja. Perkembangan dalam tahun-tahun berikutnya berhenti buat beberapa ketika. Dan mulai tahun-tahun 1930'an perkembangannya mulai rancak kembali. Hal ini selaras dengan perkembangan yang berlaku dalam arena persuratkhabaran di Semenanjung Tanah Melayu. Dalam tahap ini sahaja Muar dan Johor Bharu telah menjadi tumpuan penulis-penulis tempatan melahirkan akhbar/majalah di tempat masing-masing. Misalnya pada Mac, 1930 telah

¹⁵ Temuramah dengan Hajjah Zain di Johor Bharu pada 26hb. April, 1975, Tuan Haji Shukor Ismail di Muar pada 15hb. Mei, 1975 dan Tuan Haji Zainal Abidin Ahmad di Muar pada 17hb. Mei, 1975 dan Tuan Haji Mohd Haji Hassan (Bekas Penghulu) di Parit Jamil Muar.

¹⁶ Temuramah dengan Ab. Rahman Yassin, bekas Pesuruhjaya Kerajaan Muar 1937-1941 dipetik dari Painah Hamzah, *Sejarah Ringkas Muar 1900-1941* Tesis B.A. (Hons.) Jabatan Sejarah, UKM, 1973/74. h. 66.

¹⁷ *Lembaran Guru*, Muar, (Mac, 1927), dipetik dari Painah Hamzah, *Ibid*.

¹⁸ Muhammad bin Datuk Muda, *Tarikh Surat-Surat Khabar Melayu*, h. 141. Menyatakan keluaran pertamanya terbit pada 31hb. Julai, 1920.

¹⁹ Temuramah dengan Tuan Haji Mohd. bin Hj. Hassan di Parit Jamil, Muar.

²⁰ Muhammad bin Datuk Muda, *op.cit*, h. 144.

²¹ Painah Hamzah, *Sejarah Ringkas Muar — 1900-1941*, *op.cit*. h. 66.

²² Di antara pengarangnya ialah Tuan Haji Shukor Ismail, Arshad Ahmad dan Tcha Benut. Temuramah dengan Tuan Haji Shukor Ismail di Muar.

terbit majalah bulanan *Cahaya*. Manakala di Parit Jamil, tanggal Ogos, 1930 telah lahir majalah bulanan *Ketok-ketok*. Ciri terpenting terdapat di majalah tersebut ialah majalah ini tidak menerima karangan-karangan berbentuk umpat-mengumpat, karangan berkaitan dengan cerita kasih sayang dan karangan-karangan yang berkenaan politik negeri.²³ Majalah ini mempunyai pertalian dengan majalah *Masa* dan dicetak oleh Percetakan Al-Jamiliah, Parit Jawa, Muar.²⁴ Pertubuhan-Pertubuhan Melayu juga tidak ketinggalan di dalam mengeluarkan akhbar/majalah mereka sendiri. Misalnya pada September, 1934 atas usaha ahli-ahli Persatuan Muar Club, Bandar Maharani telah mengeluarkan majalah *Taja Penghiburan*, dan pada 1hb. Disember, 1934 pula telah dikeluarkan majalah *Neraca*.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa Muar adalah pusat utama perkembangan persuratkhabaran Melayu dalam negeri Johor antara tahun-1920'an. Sekurang-kurangnya Muar telah berjaya melahirkan sejumlah 8 buah majalah tempatan. Walaupun perkembangannya agak singkat atas sebab-sebab kewangan namun sumbangannya bagi membentuk dan menyedarkan bangsa mereka sendiri dalam segala aspek kehidupan tidak dapat diperkecilkan. Jumlah ini juga tidak dapat diperkecilkan dalam memberi sumbangannya terhadap perkembangan persuratkhabaran Melayu di negeri Johor khususnya dan Semenanjung amnya.

Johor Bharu

Walau di peringkat awalnya kegiatan penulisan persuratkhabaran berkisar di daerah Muar, tetapi majalah yang pertama telah terbit di Johor Bharu iaitu *Harapan*. Sungguhpun keluarannya untuk ahli-ahlinya sahaja tetapi ini memberi implikasi bahawa majalah ini adalah sebagai pelopor kepada majalah-majalah yang lainnya. Hingga di tahun-tahun 1920'an hanya terdapat sebuah majalah sahaja iaitu *Majalah Jasa* yang terbit pada 29hb. November, 1927.

Perkembangan penulisan persuratkhabaran di Johor Bharu adalah lebih cergas didalam tahun-tahun 1930'an. Di dalam jarak masa ini dapat dikatakan Johor Bharu dapat berbangga dengan keluaran akhbar/majalahnya. Period inilah telah lahir sebuah majalah bulanan yang dipelopori oleh gulungan guru wanita atas nama Persekutuan Guru-Guru Perempuan Melayu, Johor, dipimpin oleh Hajjah Zain Sulaiman. Majalah ini telah dianggap sebagai majalah wanita yang pertama sekali lahir di Semenanjung Tanah Melayu. Maka kemunculan *Bulan Melayu* ini dengan sendirinya memperlihatkan bahawa perjuangan kaum perempuan negeri Johor telah muncul buat pertama kalinya dalam sejarah penulisan persuratkhabaran Melayu. Ia juga merupakan majalah yang terpanjang usianya dalam negeri Johor. Disamping itu terdapat sebuah majalah yang berasaskan kepada keagamaan. Majalah bulanan ini dikeluarkan oleh Al-Jemaah Al-Islamaiah Al Johoriah. Bilangan pertama telah diterbitkan pada bulan Oktober, 1934 dengan nama *Majalah Al-Johoriah*.

Seterusnya negeri Johor, khususnya daerah Johor Bharu telah berjaya melahirkan beberapa akhbar dan majalah yang begitu terpengaruh di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Misalnya akhbar *Lembaga Malaya* yang telah diterbitkan di Singapura pada Disember, 1934 di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar telah berhijrah ke Johor Bharu pada tahun 1938. Keadaan seperti ini juga berlaku di

²³ Muhammad bin Datuk Muda, *op.cit*, h. 172.

²⁴ Temuramah dengan Tuan Haji Mohd bin Haji Hassan. Beliau menegaskan bahawa bangunan lama percetakan tersebut telah diambil alih oleh Percetakan Mohammadiyah, Parit Jawa yang ada pada ketika ini.

atas akhbar harian *Lembaga*, kerana kedua-dua akhbar ini adalah diusahakan oleh Dato' Onn Jaafar sendiri. Perpindahan ini telah membuka zaman baharu dalam dunia persuratkhabaran Melayu di dalam negeri Johor sendiri. Sumbangannya bagi membentuk sikap pemikiran bangsa Melayu terutama di dalam bidang pelajaran, politik, ekonomi dan kemasyarakatan tidak boleh dianggap kecil oleh para pengkaji sejarah tanah air kita.

Batu Pahat

Bidang penulisan ini baru muncul di daerah Batu Pahat tersebut pada penghujung tahun-tahun 1930'an, setelah Muar dan Johor Bharu mengalami proses perkembangannya. Nama begitu apa yang boleh ditinjau di sini ialah kaum penulis di sini lebih cenderung kepada penulisan majalah sahaja. Kemunculan majalah yang pertama di Batu Pahat ialah pada November, 1935 iaitu dengan penerbitan *Majalah Pemuda*. Majalah ini dipimpin oleh Daud Sulaiman dan pernah dianggap sebagai majalah yang dipelopori oleh golongan muda sahaja.²⁵ Keadaan ini menggambarkan bahawa satu-satunya keistimewaan di bidang penulisan Melayu di Batu Pahat ialah tampilnya satu golongan muda yang gemarkan karang-mengarang.

Pada penghujung tahun-tahun 1930'an iaitu setelah tertubuhnya Persatuan Guru-Guru Melayu Batu Pahat, maka telah lahir sebuah majalah pada 16hb. Jun, 1940 bernama *Majalah Idaman*. Majalah ini kemudiannya digabungkan menjadi satu dengan majalah *Bulan Melayu* dan dapat hidup hingga kedatangan Jepun. Disamping itu terdapat juga majalah tahunan yang terbit pada Februari, 1940 yang diberi nama *Taman Paspam*. Majalah ini menjadi suara kepada Persaudaraan Sahabat Pena Sa Malaya. Pada bulan yang sama juga telah muncul majalah bulanan *Semangat Melayu*. Majalah yang berdasarkan kepada pengetahuan, persatuan dan iktisad ini hanya hidup beberapa bulan sahaja, iaitu hingga Ogos 1940.

Selain daripada majalah yang pernah terbit di Batu Pahat terdapat sebuah akhbar yang diberi nama '*Berita Kampong*'. Tetapi adalah sukar ditentukan samada pernah dikeluarkan atau disebaliknya. Dari dokumen²⁶ yang dijumpai, akhbar ini adalah hasil kegunaan dan diusahakan oleh orang-orang kampong yang terdiri daripada penghulu-penghulu mukim di daerah Batu Pahat. Keadaan ini dapat dirasakan bahawa Batu Pahat mempunyai ciri-ciri yang agak istimewa daripada Johor Bharu dan Muar. Semua lapisan masyarakat Melayunya telah bergerak cergas di bidang penulisan persuratkhabaran. Kalau ditinjau dari segi keluarannya adalah begitu kekurangan sekali namun begitu benih dan semangat kesedaran untuk menulis telahpun ujud di segenap lapisan penduduknya di dalam pelbagai peringkat.

²⁵Dalam Muhammad Datuk Muda, h. 186-187 telah memetik tulisan seorang penulis dari Kelantan, '*Majalah Pemuda* julung bilangannya membawa penambah tiupan semangat yang menyerap ke seluruh anggota dan saya membangkit girang kesukaan hati yang tiada dapat qalam saya hendak saya sifatkan umpamanya. Sesungguhnya pun bernama *Majalah Pemuda* yang ditubuhkan dan diketuai oleh orang-orang muda belaka'.

²⁶SS 1889/1939, Perkara Surat Permohonan Haji Mohd Alias bertarikh 25hb. Mac, 1939 kepada Engku Sulaiman bin Mohd Khalid — Pesurubjaya Kerajaan Batu Pahat, Arkib Negara Johor.